

- 3 Bahan-bahan di bawah ini mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan, dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

Bahan 1

Syarikat Berjaya Gemilang

PELUANG KERJAYA

Pegawai Pemasaran



Permohonan hendaklah penduduk tetap Wilayah Persekutuan Labuan yang berkelayakan sahaja bagi memohon jawatan tersebut.

Syarat-syarat:

1. Kekosongan jawatan di tawarkan pada penduduk tetap di Wilayah Persekutuan Labuan sahaja.
2. Calon mestilah berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan.
3. Calon memiliki sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan mendapat kepujian bagi mata pelajaran Bahasa Melayu serta lulus bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik.
4. Calon mestilah memiliki lesen memandu kategori D.
5. Calon boleh menggunakan perisian Microsoft Office dengan baiknya.
6. Calon mempunyai perwatakan dan semangat berkerjasama secara berpasukan.

Gaji: Gaji mengikut kelulusan tertinggi SPM: **RM1,600.**

Kemudahan: Cuti rehat, cuti sakit, cuti tahunan, simpanan KWSP, dan Perkeso.

Cara memohon: Hantar resume permohonan berserta gambar kepada:

Tarikh Tutup Permohonan:
24 September 2024

Syarikat Berjaya Gemilang,
 Peti Surat 7575,
 Jalan Anggerik Biru,
 87022 Wilayah Persekutuan Labuan.

[6 markah]